




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **125 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **56,910 kes**. Dua (2) kes kematian direkodkan hari ini iaitu di daerah Tawau. Takziah diucapkan kepada keluarga terlibat.
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 125 menjadikan jumlah kumulatif 55,254 orang. Seramai 1008 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 309 orang di hospital, 635 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 64 orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 55 orang dan 20 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kinabatangan berubah dari zon kuning ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah enam (6) daerah
- Zon Jingga empat (4) daerah
- Zon Kuning 11 daerah
- Zon Hijau enam (6) daerah

5 Terdapat **satu (1) kluster** baharu direkodkan hari ini.

Kluster Tagasan di Semporna melibatkan para pelajar di Maktab Rendah Sains MARA. Kes indeks adalah pelajar Tingkatan 4 yang disahkan positif hasil saringan bergejala di sebuah klinik kesihatan pada 08 April 2021. Susulan kes itu, saringan kontak rapat mendapati empat (4) lagi pelajar serta seorang (1) pemandu di institusi tersebut dikesan positif COVID-19, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak enam (6) kes. Aktiviti pengesanan kontak rapat dan punca jangkitan sedang giat dijalankan.

6 Daripada 125 kes positif COVID-19, sebanyak 62 kes (49.6%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 12 kes (9.6%) saringan bergejala, 45 kes (36%) dari kluster baharu dan sedia ada serta enam (6) kes (4.8%) dari lain-lain kategori.

- 7 Jumlah kapasiti katil 4,063 unit
- Hospital 535 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,008 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 520 unit.
- Peratus penggunaan katil 24.81%.

B PENAMATAN PKPD DI KAMPUNG MURNI C, NABAWAN

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Murni C, Nabawan yang dijadualkan tamat pada esok, 20 April 2021.
- 2 Dalam tempoh tersebut, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 548 ujian saringan dan tujuh (7) daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM juga mengesahkan berlaku penurunan dan kluster adalah terkawal dengan kes terakhir telah direkodkan pada 13 April 2021 iaitu satu (1) kes manakala semua kes positif telah menerima rawatan dan kontak rapat juga diasingkan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Murni C, Nabawan pada 20 April 2021 seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

C SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN(PKPP) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan(PKPP) bagi seluruh Negeri Sabah adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

D SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN(PKPD) DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA KOTA KINABALU (SMKAKK)

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan(PKPD) di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kota Kinabalu (SMKAKK) adalah seperti di **LAMPIRAN B.**

E SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI TAMAN HILLTOP, TAMAN BUKIT BINTANG DAN TAMAN BERKLEY, TAWAU

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Hilltop, Taman Bukit Bintang dan Taman Berkley, Tawau adalah seperti di **LAMPIRAN C.**

F SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH, KOTA KINABALU

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu adalah seperti di **LAMPIRAN D.**

G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat ini, seramai **13** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **50,793** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin Pfizer BioNTech, seramai **35** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **42,150** orang.
- 3 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **2,209** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **429,143** (mysejahtera 391,837 : laman web 37,065 : talian vaksinasi 241) bersamaan 14.6%.

H BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sejumlah **308,270** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 62 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 20,774 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 141 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 60 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak satu (1) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Papar satu (1) orang.
 - Gagal memakai pelitup muka
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 70 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 47 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, satu (1) tangkapan dibuat iaitu di bawah Akta Perikanan 1985.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 321 lokasi melibatkan seramai 165 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukrelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 63 anggota di 60 lokasi.

- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lima (5) premis, melibatkan empat (4) buah daerah iaitu Kinabatangan, Sandakan, Lahad Datu dan Kota Kinabalu.
- 7 Sejumlah 37 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lapan (8) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 37 hebahan di seluruh Sabah.

J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **96.5%**.
Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	98%
2	Beluran	98%
3	Kota Marudu	98%
4	Semporna	96%
5	Kunak	97%
6	Penampang	97%
7	Ranau	97%
8	Beaufort	97%
9	Papar	97%
10	Kudat	97%
11	Kota Belud	97%
12	Tenom	97%
13	Kinabatangan	97%
14	Keningau	96%
15	Kota Kinabalu	96%
16	Tuaran	95%
17	Lahad Datu	95%
18	Sandakan	95%
19	Tawau	95%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
19 APRIL 2021**

 SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) BAGI SELURUH NEGERI SABAH		Dikemaskini pada 19 April 2021			
Aktiviti Dibenarkan	Waktu Berkuat kuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk
Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (<i>Negative List</i>).	AKTMTI DAN PROTOKOL				
Aktiviti Tidak Dibenarkan					
- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (<i>Negative List</i>) - Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan - Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan					
Arahan Tetap					
- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021 - Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 - Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM - Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT - Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan					
Tindakan	Penerangan Ringkas				
Kawasan Yang Terlibat	- Seluruh negeri Sabah kecuali daerah dan lokaliti yang dikuatkuasakan PKP dan PKPD. SOP PKP Daerah Tawau, Lahad Datu dan Sandakan serta PKPD di lokaliti-lokaliti berkenaan adalah berkuatkuasa sehingga tarikh tamat PKP dan PKPD berkenaan. - Aktiviti rentas daerah dalam zon yang sama adalah DIBENARKAN. Walau bagaimanapun pergerakan rentas zon dan ke kawasan yang di kuatkuasakan PKP serta PKPD adalah TIDAK DIBENARKAN. Pembahagian Zon Daerah: - Zon 1: Kota Kinabalu, Kota Belud, Ranau, Tuaran, Penampang, Putatan dan Papar; - Zon 2: Beaufort, Kuala Penyu dan Sipitang; - Zon 3: Kudat, Kota Marudu dan Pitas; - Zon 4: Beluran, Telupid, Kinabatangan dan Tongod; - Zon 5: Kunak, Semporna dan Kalabakan; dan - Zon 6: Keningau, Tambunan, Tenom dan Nabawan.				
Tempoh Berkuatkuasa	15 April 2021 (mulai 12.01 pagi) sehingga 28 April 2021 (11.59 malam)				
Kawalan Pergerakan	PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan dengan bantuan ATM, ESSCOM, APMM, APM & RELA.				

1

SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 19 April 2021

Aktiviti Dibenarkan

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

Arahan Tetap

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

Waktu Berkuat kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Dibenarkan dengan bersyarat

AKTMTI DAN PROTOKOL

Tindakan

Penerangan Ringkas

Kawalan Pergerakan

Pergerakan individu masuk ke Sabah:

Berdasarkan Ketetapan Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan, Jabatan Ketua Menteri Sabah

Bil.	Kategori	Sub-Kategori	DIBENARKAN MASUK
1	Warganegara	(a) Berasal daripada negeri Sabah	Pemegang MyKad kod 'H'
		(b) Interim suami kepada rakyat Sabah dan tanggungan	i. Memiliki pas-pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah; (RfA) ii. Bukti perkahwinan; iii. Sijil lahir anak tanggungan
		(c) Bekerja di Negeri Sabah	i. HENDAKLAH memiliki dokumen sokongan yang terfah daripada majikan. ii. Tanggungan (Suami / Isteri / Anak) HENDAKLAH membuktikan talan perhubungan.
		1. Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan lintasan tetap / kontrak / interin / badan berkanan	PERHATIAN Semua warganegara yang bukan berasal dari negeri Sabah WAJIB memiliki Cop Sekyen atau Pas Kerja Malaysia yang sah tempoh bagi tujuan bekerja di negeri ini. Bagi individu yang BELUM memiliki Cop Sekyen atau Pas Kerja Malaysia, HENDAKLAH mengemukakan permohonan Cop Sekyen atau Pas Kerja Malaysia dengan SEGERA di Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah, setelah masuk ke Sabah.
		2. Pekerja sektor swasta	Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan lintasan tetap: WAJIB memiliki cop Sekyen 66(16) Akta Imigresen 1959/63 yang sah tempoh tetap. Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan lintasan kontrak / interin: WAJIB memiliki cop Sekyen 66(2) atau Pas Lantutan Sosial Jangka Panjang (Salah) yang sah tempoh.
		3. Tanggungan	Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan lintasan kontrak / interin: WAJIB memiliki Pas Kerja Malaysia sah tempoh.
		(d) Hadir ke mesyuarat dan urusan rasmi (Kerajaan & Swasta)	HENDAKLAH membuktikan dokumen-dokumen (penerimaan mesyuarat / urusan rasmi).
		(e) 1. Pelajar baharu IPTA / IPTS di negeri Sabah termasuk penjaja	i. Pelajar IPTA / IPTS lintasan baharu di Sabah. Dengan menunjukkan salinan Surat Tawaran Belajar daripada institusi masing-masing. ii. Memiliki kad pelajar / dokumen pengesahan pelajar daripada sekolah / institusi di negeri Sabah. iii. Ibu / bapa kepada pelajar. Dengan menunjukkan bukti talan perhubungan. iv. Penjaja / pengiring kepada pelajar adalah tidak melebihi daripada dua (2) orang sahaja. Dengan menunjukkan dokumen pengesahan / penerimaan daripada Ibu bapa / institusi pengajian pelajar tersebut.
		2. Pelajar di semua sekolah dan institusi pengajian di negeri Sabah termasuk penjaja	HENDAKLAH mengemukakan surat / dokumen pengesahan bekerja daripada majikan kepada pegawai Imigresen di pintu-pintu masuk negeri Sabah.
		(f) Pengangkutan darat (Transporter) melalui jalan darat daripada Sarawak & Labuan	HENDAKLAH membuktikan dokumen-dokumen sokongan daripada hospital.
		(g) Kecemasan atau Review di hospital	i. HENDAKLAH membuktikan dokumen-dokumen sokongan daripada hospital. ii. Tanggungan (Suami / Isteri / Anak) membuktikan perhubungan atau Penjaja membuktikan dokumen sokongan daripada hospital.
		(h) Berhenti / berkhidmat	KELULUSAN KHAS KERAJAAN NEGERI SABAH DIPERLUKAN UNTUK MASUK KE NEGERI SABAH i. Pasangan tidak / perempuan - membuktikan dokumen sokongan ii. Ibu bapa - membuktikan talan perhubungan iii. Keluarga berketul - membuktikan perhubungan / dokumen sokongan daripada Masjid atau Pejabat JHEAINS

TUJUAN LAWATAN SOSIAL YANG LAIN ADALAH TIDAK DIBENARKAN MASUK KE NEGERI SABAH

2



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 19 April 2021

Aktiviti Dibenarkan	Waktu Berkuat kuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (<i>Negative List</i>).	AKTIVITI DAN PROTOKOL					
Aktiviti Tidak Dibenarkan - Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (<i>Negative List</i>) - Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan - Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan Arahan Tetap - Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021 - Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 - Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM - Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT - Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan	Tindakan		Penerangan Ringkas			
	Kawalan Pergerakan		Pergerakan individu masuk ke Sabah:			
		Bil.	Kategori	Sub-Kategori	DIBENARKAN MASUK	TIDAK DIBENARKAN MASUK
				(a) Isteri / suami kepada rakyat Sabah dan tanggungan	i. Memiliki pas-pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah; atau ii. Bukti perkahwinan; iii. Sijil lahir anak/ tanggungan	
				(b) Pemastautin Tetap Sabah	Memiliki MyPR kod "H" / Kad Permit Masuk / Endosmen Permit Masuk dalam Pasport	
		2	Bukan Warganegara	(c) i. Pemegang Pas Kerja dan tanggungan ii. Pelajar di institusi-institusi negeri Sabah	Memiliki pas-pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah	TIDAK memiliki pas-pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah.
				(d) Pas Sementara i. MyKAS Sabah ii. IMM13 Sabah	i. Pas Sementara hendaklah sah tempoh; dan ii. Tempoh perjalanan dinyatakan di dalam Surat Kemudahan Berlepas oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah hendaklah sah tempoh.	i. Pas Sementara tamat tempoh; dan ii. Tempoh perjalanan dalam Surat Kemudahan Berlepas tamat tempoh.
Nota: - Bagi kategori yang tidak dinyatakan WAJIB memohon kebenaran khas dengan merujuk kepada Panduan Kebenaran Masuk ke Sabah daripada Semenanjung Malaysia, Sarawak dan W.P. Labuan yang dikeluarkan oleh Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan, Jabatan Ketua Menteri. - Maklumat lanjut berhubung syarat kemasukan boleh disemak dengan melayari sesawang https://hednp.sabah.gov.my/ atau menghubungi dengan talian 088-369 434 atau 088 - 369 433.						

3



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 19 April 2021

Aktiviti Dibenarkan	Waktu Berkuat kuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (<i>Negative List</i>).	AKTIVITI DAN PROTOKOL					
Aktiviti Tidak Dibenarkan - Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (<i>Negative List</i>) - Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan - Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan Arahan Tetap - Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021 - Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 - Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM - Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT - Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan	Tindakan		Penerangan Ringkas			
	Kawalan Pergerakan		- Semua individu yang akan masuk ke Sabah melalui pintu masuk udara, laut dan darat perlu menjalani ujian RT-PCR atau RTK-Ag COVID-19 dalam tempoh 3 hari sebelum perjalanan. Hanya individu yang tidak bergejala dengan keputusan ujian negatif akan dibenarkan masuk ke Sabah. Pergerakan individu keluar dari Sabah: - Individu dari Sabah ke Semenanjung TIDAK PERLU menjalani ujian RT-PCR atau RTK-Ag COVID-19 sebelum berlepas dari Sabah (berdasarkan ketetapan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia); - Individu dari Sabah ke Sarawak TIDAK PERLU menjalani ujian RT-PCR COVID-19 sebelum berlepas dari Sabah namun tertakluk kepada syarat kemasukan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak; dan - Individu dari Sabah ke Labuan perlu menjalani ujian RT-PCR atau RTK-Ag COVID-19 dalam tempoh tiga (3) hari sebelum memasuki Labuan (berdasarkan ketetapan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana W.P. Labuan).			

4



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 19 April 2021

Aktiviti Dibenarkan

- Semua sektor dan aktiviti **KECUALI** perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

Arahan Tetap

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

Waktu Berkuat kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Dibenarkan dengan bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawalan Pergerakan	- Laluan keluar masuk rentas negeri dan zon ditutup dan dikawal kemasukan oleh PDRM. Kapasiti penumpang dalam kenderaan persendirian: TIADA HAD dalam kenderaan persendirian bagi orang yang keluar daripada rumah yang sama TETAPI hendaklah mengikut kapasiti tempat duduk kenderaan tersebut. - Individu yang berisiko tinggi dan kanak-kanak TIDAK DIGALAKKAN keluar ke kawasan awam, terbuka dan sesak.

5



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 19 April 2021

Aktiviti Dibenarkan

- Semua sektor dan aktiviti **KECUALI** perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

Arahan Tetap

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

Waktu Berkuat kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Dibenarkan dengan bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawalan Pergerakan	- Kolej matrikulasi DIBENARKAN dalam tempoh PKPP. Pelajar yang berada di sekolah berasrama / universiti / institusi DIBENARKAN untuk berada di sekolah berasrama / universiti / institusi tersebut dan meneruskan pembelajaran secara hibrid. - Peperiksaan antarabangsa dan badan profesional serta aktiviti penyelidikan yang memerlukan kemudahan makmal di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) DIBENARKAN mengikut SOP IPT berkenaan dan pergerakan perlu disertai dengan pengesahan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atau IPT berkaitan. - Pergerakan pensyarah/guru/tenaga pengajar bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran DIBENARKAN dengan pengesahan daripada KPM dan KPT. - Pergerakan bagi kemasukan pelajar-pelajar ke asrama yang ditetapkan oleh KPM dan KPT adalah DIBENARKAN dengan pengesahan daripada KPM dan KPT. - Pelajar yang berkeperluan perlu mendapatkan surat kebenaran pergerakan daripada IPT berkenaan bagi merentas negeri atau zon untuk pulang ke kampus. - Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen DIBENARKAN merentas zon dan negeri masing-masing dengan tujuan urusan rasmi atau melawat kawasan.

6



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 19 April 2021

Aktiviti Dibenarkan	Waktu Berkuat kuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ditetapkan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (<i>Negative List</i>).						
Aktiviti Tidak Dibenarkan - Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (<i>Negative List</i>) - Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan - Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan						
Arahan Tetap - Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021 - Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 - Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM - Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT - Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan						
AKTIVITI DAN PROTOKOL						
Tindakan		Penerangan Ringkas				
Kawalan Pergerakan		- Pergerakan merentas zon adalah TIDAK DIBENARKAN kecuali bagi kes kecemasan seperti kematian atau bencana alam. - Pergerakan merentas zon bagi tujuan pergi dan balik dari tempat kerja atau menjalankan urusan rasmi adalah DIBENARKAN dengan syarat menunjukkan pas kerja atau surat kebenaran daripada majikan. - Kenderaan perdagangan yang membawa barangan DIBENARKAN bergerak merentas zon dengan pemakaian pelitup muka. Bilangan orang yang dibenarkan di dalam kenderaan ini bergantung kepada lesen pendaftaran kenderaan perdagangan tersebut. - Perkhidmatan pengangkutan awam merentas zon iaitu bas ekspres dan keretapi DIBENARKAN beroperasi dengan kapasiti 50% penumpang dan mengikut SOP KKR Sabah. Bagi penumpang yang merentas zon perlu mendapatkan kebenaran pergerakan daripada pihak PDRM. - Perkhidmatan kenderaan pelancongan yang berdaftar DIBENARKAN dalam zon yang sama dengan kapasiti 50% penumpang. - Perkhidmatan pengangkutan awam dalam zon yang sama adalah DIBENARKAN dari jam 5.00 pagi hingga 12.00 tengah malam dengan mematuhi penjarakan fizikal di dalam kenderaan tersebut serta pemakaian pelitup muka seperti berikut: (a) Perkhidmatan bas henti-henti dan bas sekolah dalam zon dengan kapasiti 50% penumpang; dan (b) Perkhidmatan teksi / e-hailing dalam zon (maksimum hanya 2 penumpang);				

7



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 19 April 2021

Aktiviti Dibenarkan	Waktu Berkuat kuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ditetapkan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (<i>Negative List</i>).						
Aktiviti Tidak Dibenarkan - Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (<i>Negative List</i>) - Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan - Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan						
Arahan Tetap - Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021 - Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 - Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM - Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT - Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan						
AKTIVITI DAN PROTOKOL						
Tindakan		Penerangan Ringkas				
Kawalan Pergerakan di Laut		- Pergerakan keluar bot-bot kecil dari pulau-pulau di negeri Sabah ke tanah besar termasuk pergerakan bot-bot di kawasan pesisiran pantai hanya DIBENARKAN dengan 50% kapasiti mulai jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang sahaja. - Bagi bot-bot nelayan di perairan ESSZONE yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan hanya DIBENARKAN dari jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang (hanya di jeti-jeti yang dibenarkan sahaja). Kebenaran ini tertakluk kepada permit yang dikeluarkan oleh Ketua Polis Daerah berkenaan. - Pergerakan semua kapal <i>Non-Convention Ships</i> (NCS) Indonesia dan Filipina yang memasuki perairan ESSZONE, Sabah, Malaysia dan semua Kapal NCS Malaysia dari perairan ESSZONE ke Filipina dan Indonesia bagi aktiviti <i>barter trade</i> dan <i>transshipment</i> adalah DIBENARKAN dengan mematuhi SOP yang ditetapkan. - Pergerakan kapal pengangkutan Indonesia ke Tawau adalah DIBENARKAN. - Kapal NCS dari Filipina yang melalui perairan Sabah untuk ke W.P. Labuan TIDAK DIBENARKAN.				

8



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 19 April 2021

Aktiviti Dibenarkan

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

Arahan Tetap

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

Waktu Berkuat kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Dibenarkan dengan bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawalan Pergerakan di Laut	- Pergerakan perkhidmatan Kapal Komersil seperti berikut: - Feri Penumpang - Bot Penumpang - Feri Kenderaan (<i>Roro ferry</i>) Adalah DIBENARKAN beroperasi dalam negara sahaja dengan 50% kapasiti penumpang. Bagi Feri Kenderaan, muatan kenderaan adalah mengikut kapasiti sebenar feri berkenaan.

9



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 19 April 2021

Aktiviti Dibenarkan

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

Arahan Tetap

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

Waktu Berkuat kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Dibenarkan dengan bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Aktiviti Dalam Kawasan PKPP	- Aktiviti sektor ekonomi dan industri di kawasan PKPP berjalan seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan dengan pematuan SOP yang telah ditetapkan. - Pasar Raya, Pusat Beli belah, <i>Retail Store</i>, kedai serbaneka dan kedai runcit DIBENARKAN beroperasi mengikut SOP yang ditetapkan antara 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam. - Restoran, café, kedai makan, gerai makan, kenderaan bersaji (<i>food truck</i>), penjaja, medan selera, perkhidmatan penghantaran (<i>delivery</i>) makanan, pembelian makanan secara bawa pulang (<i>take away</i>) dan pandu lalu (<i>drive thru</i>) yang menyediakan juadah sahur DIBENARKAN beroperasi sehingga 6.00 pagi dengan pematuan SOP Sektor Makanan (Perniagaan Berpremis, Penjaja Tanpa Premis, Pasar Berbangunan dan Peruncitan/Serbaneka Makanan & Minuman). - Walaupun bagaimanapun, kebenaran ini hanya terpakai sepanjang bulan Ramadan sahaja. <i>Dine in</i> DIBENARKAN di restoran termasuk restoran dalam premis hotel, kedai / gerai makan, <i>coffee shop</i> dan medan selera dengan penjarakan fizikal 1 meter antara pelanggan dan terhad kepada 50% kapasiti saiz meja.

10



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 19 April 2021

Aktiviti Dibenarkan

- Semua sektor dan aktiviti **KECUALI** perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

Arahan Tetap

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

Waktu Berkuat kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Dibenarkan dengan bersyarat

AKTMITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Aktiviti Dalam Kawasan PKPP	- Operasi pasar-pasar adalah DIBENARKAN seperti berikut: a. Pasar Harian : 6.00 pagi hingga 6.00 petang b. Pasar Tamu : 6.00 pagi hingga 2.00 petang c. Pasar Tani : 6.00 pagi hingga 2.00 petang d. Pasar Borong: 12.01 pagi hingga 2.00 petang - Operasi pasar-pasar tersebut hendaklah dengan pematuan SOP dan pengawasan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. - Operasi Bazar Ramadhan dan Pasar Malam TIDAK DIBENARKAN. - Operasi kedai nombor ramalan yang dilesenkan di bawah Kementerian Kewangan adalah DIBENARKAN berdasarkan waktu operasi seperti berikut: a. Hari Cabutan : 8.00 pagi hingga 7.00 malam b. Hari Tanpa Cabutan : 8.00 pagi hingga 6.00 petang - Operasi mesin slot yang dilesenkan di bawah Kementerian Kewangan adalah DIBENARKAN bermula dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam. - Operasi lain-lain perniagaan yang DIBENARKAN beroperasi bermula dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam.

Nota:

Pembukaan pasar tamu dan pasar tani adalah tertakluk kepada penilaian risiko oleh PBT.

11



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 19 April 2021

Aktiviti Dibenarkan

- Semua sektor dan aktiviti **KECUALI** perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

Arahan Tetap

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

Waktu Berkuat kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Dibenarkan dengan bersyarat

AKTMITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Aktiviti Dalam Kawasan PKPP	- Stesen minyak termasuk kedai serbaneka di stesen minyak DIBENARKAN beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam. - Kedai dobi DIBENARKAN beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam. Kedai dobi layan diri perlu memastikan pekerja berada di premis bagi mengawal bilangan pelanggan dengan mematuhi SOP yang ditetapkan. - Kedai gunting rambut / salon, facial, perkhidmatan spa, refleksiologi, urut dan <i>wellness</i> DIBENARKAN beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam. Pengusaha / pemilik perlu mengikuti SOP seperti berikut: - Wajib memakai pelitup muka (<i>face mask</i>) dan pelindung muka (<i>face shield</i>); - Memakai apron (perlu ditukar untuk setiap pelanggan baharu); - Memakai sarung tangan (perlu ditukar untuk setiap pelanggan baharu); dan - Gunting dan sikat dibersihkan menggunakan air panas (bagi kedai gunting rambut dan salon). - Pusat cuci kenderaan DIBENARKAN beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam dengan memastikan pematuan SOP sedia ada.

12



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 19 April 2021

Aktiviti Dibenarkan	Waktu Berkuat kuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (<i>Negative List</i>).						
Aktiviti Tidak Dibenarkan - Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (<i>Negative List</i>) - Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan - Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan						
Arahan Tetap - Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021 - Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 - Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM - Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT - Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan						
AKTMITI DAN PROTOKOL						
Tindakan	Penerangan Ringkas					
Perkhidmatan Perubatan/ Kesihatan	- Waktu operasi klinik dan hospital Kerajaan dan swasta DIBENARKAN beroperasi secara 24 jam atau mengikut waktu yang ditetapkan oleh Kerajaan. - Farmasi dan kedai menjual ubat-ubatan beroperasi mulai 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam.					
Tatacara Utama Premis	- Penggunaan aplikasi MySejahtera DIWAJIBKAN di kawasan capaian internet yang luas. Pengecualian diberikan bagi kawasan yang tidak mempunyai capaian internet khususnya di kawasan kampung dan pedalaman. Pemegang lesen dan pemilik premis DIWAJIBKAN menyediakan kemudahan <i>QR code</i> MySejahtera dan menyediakan buku pendaftaran kehadiran pelanggan. Suhu badan melebihi 37.5 darjah Celcius serta tidak memakai pelitup muka adalah TIDAK DIBENARKAN memasuki premis. - Pemilik premis memastikan kawalan keluar masuk pelanggan ke premis dengan penjarakan fizikal 1 meter. - Pemilik premis perlu menyediakan <i>hand sanitizer</i> atau tempat mencuci tangan. - Pemilik premis menghadkan bilangan pelanggan berada di premis dalam sesuatu masa dan memaparkan jumlah maksimum pelanggan yang berada dalam premis.					
Aktiviti Pekerjaan	- Pergerakan keluar / masuk merentas zon bagi urusan tugas rasmi kerajaan (<i>official duty</i>) adalah DIBENARKAN. - Pergerakan kenderaan jabatan Kerajaan atau syarikat swasta adalah DIBENARKAN bergantung kepada kapasiti tempat duduk kenderaan tersebut dengan pematuan SOP.					

13



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 19 April 2021

Aktiviti Dibenarkan	Waktu Berkuat kuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (<i>Negative List</i>).						
Aktiviti Tidak Dibenarkan - Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (<i>Negative List</i>) - Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan - Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan						
Arahan Tetap - Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021 - Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 - Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM - Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT - Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan						
AKTMITI DAN PROTOKOL						
Tindakan	Penerangan Ringkas					
Aktiviti Sukan dan Rekreasi	- Semua aktiviti sukan dan rekreasi individu dan berpasukan bagi tujuan kesihatan, kecergasan, latihan, permainan/ perlawanan TERTAKLUK kepada SOP Sektor Sukan dan Rekreasi termasuklah arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa dan kebenaran Pihak Berkuasa yang berkaitan. - Kehadiran penonton / penyokong ke <i>venue</i> sukan dan rekreasi tertakluk kepada 25% kapasiti tempat duduk atau 4,000 orang atau mana-mana yang lebih rendah. Walau bagaimanapun pihak penganjur boleh menetapkan had kapasiti kehadiran penonton (tidak melebihi kapasiti yang ditetapkan) dengan mengambil kira kemampuan kawalan penyeliaan penganjur. - Penganjuran kejohanan/ pertandingan di peringkat negeri/ komuniti DENGAN KEBENARAN Kementerian Belia dan Sukan (KBS). - Penganjuran kejohanan/ pertandingan di peringkat kebangsaan yang melibatkan pergerakan rentas negeri DENGAN KEBENARAN PDRM seperti Malaysian Football League (MFL), Malaysia Hockey League (MHL) dan Sepak Takraw League (STL) mestilah mengikut Model Gelembung Sukan. - Penganjuran kejohanan/ pertandingan kebangsaan dan antarabangsa WAJIB mendapat kebenaran KBS					

14



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 19 April 2021

Aktiviti Dibenarkan

- Semua sektor dan aktiviti **KECUALI** perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

Arahan Tetap

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

Waktu Berkuat kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Dibenarkan dengan bersyarat

AKTMITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Aktiviti Sukan dan Rekreasi	- Latihan Pusat Berfasa bagi pasukan-pasukan MFL/MHL/STL secara "Home/ Camp Quarantine". - Peserta/ pegawai bagi aktiviti Sukan Berpasukan dan Sukan Tempur dari kawasan PKP dan PKPB perlu menjalani ujian RTK-Antigen dan disahkan negatif sebelum dibenarkan menyertai kejohanan/ pertandingan tempatan. - Program Latihan Berpusat oleh Majlis Sukan Negara (MSN) dan Majlis Sukan Negeri secara "Camp Quarantine". - Kebenaran beroperasi dan menggunakan fasiliti sukan oleh orang awam adalah TERHAD kepada 50% kapasiti mengikut saiz fasiliti. Setiap pengusaha dan operator sukan perlu menjadualkan pelaksanaan aktiviti sekiranya terdapat ramai peserta dengan mematuhi SOP Sektor Sukan & Rekreasi. - Aktiviti kolam renang adalah DIBENARKAN dengan 50% kapasiti dalam satu-satu masa mengikut saiz fasiliti.

15



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 19 April 2021

Aktiviti Dibenarkan

